

# Amalan Makmal Terbaik, Jaminan Akreditasi Penuh!

Oleh: Juliana Idrus, Rozaini Ramli dan Daliah Hasan

Unit Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) yang juga dikenali sebagai PKA Sub-JKKP, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 24 September 2021. Audit ini adalah selaras dengan akta yang termaktub di dalam Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994 Akta 154. Ia melibatkan keseluruhan 15 makmal di bawah seliaan PKA iaitu Makmal Geoteknik 1 dan 2, Makmal Geologi, Makmal Lebuhraya dan Lalulintas, Makmal Ukur, Makmal Alam Sekitar 1 dan 2, Makmal Hidraulik, Makmal Perkhidmatan Bangunan 1 dan 2, Makmal Struktur Ringan 1 dan 2, Makmal Struktur Berat, Makmal Konkrit dan Bilik IDP.

Seramai 11 orang auditor dilantik terdiri daripada auditor luar dan auditor dalaman dari pelbagai fakulti di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Lima orang auditor luar yang terlibat ialah En. Amer Heberd Abdullah dari Fakulti Sains Kesihatan (FSK), En. Halim Ghafar dari Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (PKM), En. Rizal Jusoh dari Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE), En. Sharaf Ahmad dari Jabatan Sains Gunaan (JSG) dan Ustaz Ahmad Termizi Ab Lateh dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Auditor dalaman pula adalah terdiri daripada staf PKA iaitu Ir. Ts. Mohd Rafe Abdul Majid, Ir. Zain Hashim, Kamsiah Abd Wahab, Rozaini Ramli, Daliah Hasan dan Juliana Idrus.



Gambar 1: Proses audit di setiap makmal Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang

Keseluruhan audit ini melibatkan isu keselamatan dan kesihatan di setiap makmal dan pelaksanaan langkah pencegahan Covid-19. Antara elemen yang diaudit ialah keselamatan umum di makmal seperti prosedur semasa kecemasan/kemalangan/kebakaran, penyediaan peralatan keselamatan seperti pelindung pernafasan, pendengaran, mata dan tangan, keberadaan alat pengesanan dan pemadam kebakaran yang dapat berfungsi dengan baik, cara pengurusan bahan kimia dan sisa, keselamatan bengkel dan silinder gas dan seterusnya pengurusan dokumentasi semua peralatan makmal. Elemen yang diaudit ini juga adalah salah satu persediaan rapi PKA bagi menghadapi audit akreditasi dari Board of Engineers Malaysia (BEM) bagi program Ijazah dan Diploma yang dijangka akan berlangsung pada tahun 2022 dan 2023.



>>>> Sesi audit pada kali ini juga menekankan SOP Covid-19 yang perlu dilaksanakan di setiap makmal bagi mengelakkan penularan jangkitan di kalangan pelajar dan staf. Semua penolong jurutera makmal PKA telah berjaya memenuhi semua SOP Covid-19 dengan amat baik iaitu mewajibkan pemakaian pelitup muka, membuat pemeriksaan suhu badan dan mengimbas QR code sebelum masuk ke dalam makmal, menyediakan pensanitasi tangan, membuat penandaan jarak fizikal dan memaparkan poster pencegahan Covid-19 di setiap makmal. Hasil dapatan keseluruhan audit ini telah dibentangkan dan penambahbaikan terhadap komen dan cadangan oleh para auditor perlu dibuat oleh staf makmal yang terlibat.

Gambar 2: Taklimat sebelum memulakan sesi audit dilaksanakan oleh Ir. Ts. Mohd Rafe Abdul Majid kepada semua auditor